


PAKEJ JEJAK SENO'OI

EKO-PELANCONGAN PENDIDIKAN BERASASKAN KOMUNITI



RPS ULU KINTA

Kampung Sungai Tonggang & Kampung Makmur

Bukan Sekadar Pelancongan & Pengembaraan



1.0 PENDAHULUAN

Mukim Ulu Kinta terletak di timur laut Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan dan berhampiran dengan Bandaraya Ipoh. Kawasan ini menempatkan beberapa penempatan komuniti Orang Asli etnik Temiar di bawah Rancangan Penempatan Semula (RPS) Ulu Kinta, iaitu Kampung Sungai Tonggang, Kampung Makmur, Kampung Sungai Suluh, Kampung Chadak dan Kampung Sungai Choh.

Kawasan ini dikelilingi Hutan Simpan Bukit Kinta yang kaya dengan biodiversiti serta menjadi pintu masuk utama ke Banjaran Titiwangsa — yang merupakan salah satu sumber utama aliran Sungai Kinta yang membekalkan air kepada Bandaraya Ipoh dan kawasan sekitarnya. Keunikan geografi dan ekologi ini menjadikan Ulu Kinta sebagai salah satu kawasan yang mempunyai nilai tinggi dari segi eko-pelancongan dan pendidikan alam sekitar.

Selain itu, komuniti Orang Asli di kawasan ini masih mengekalkan gaya hidup tradisional dengan amalan budaya, warisan dan pengetahuan ekologi tempatan yang unik. Potensi besar ini menjadikan RPS Ulu Kinta sesuai untuk dibangunkan sebagai destinasi Eko-Pelancongan Pendidikan Berasaskan Komuniti yang mampu menggabungkan elemen pelancongan, pembelajaran, budaya dan kelestarian alam sekitar secara holistik.

2.0 MATLAMAT, OBJEKTIF DAN TEMA

2.1 Matlamat

Melalui pelaksanaan eko-pelancongan pendidikan berasaskan komuniti ini, matlamat utama adalah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti Orang Asli di RPS Ulu Kinta terutamanya Kampung Sungai Tonggang dan Kampung Makmur melalui penyediaan peluang pekerjaan, aktiviti keusahawanan dan pelancongan lestari yang berasaskan sumber tempatan, sambil memastikan kelestarian alam sekitar dan biodiversiti dikekalkan.

2.2 Objektif



Memperkasa ekonomi komuniti Orang Asli melalui pelancongan lestari dan berasaskan komuniti.



Memelihara serta memulihara alam semula jadi dan warisan budaya etnik Temiar.



Mewujudkan peluang pekerjaan dan ruang keusahawanan bagi kaum wanita dan belia tempatan.



Meningkatkan kesedaran pelawat terhadap kepentingan pemuliharaan biodiversiti dan kelestarian ekosistem.

2.3 Tema

“BUKAN SEKADAR PELANCONGAN DAN PENGEMBARAAN”

Tema ini menzahirkan pendekatan pelancongan yang bukan sahaja berasaskan hiburan dan rekreasi, tetapi turut menekankan aspek pembelajaran, pemerkasaan komuniti, dan kelestarian alam sekitar. Ia memperkukuh konsep pelancongan sebagai suatu wadah pendidikan tidak formal yang dapat memperkayakan pengetahuan, membentuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar, serta menggalakkan pelancong untuk terlibat secara aktif dalam usaha pemuliharaan dan pembangunan komuniti secara mampan.

3.0 KONSEP DAN PENDEKATAN

Pakej ini dibangunkan berasaskan pendekatan Eko-Pelancongan Berasaskan Komuniti (Community-Based EcoTourism, CBET) yang menumpukan kepada penyertaan aktif komuniti Orang Asli sebagai penggerak utama dalam merancang, mengurus dan melaksanakan produk pelancongan. Pendekatan ini menekankan elemen:



Pendidikan alam sekitar (eco-education)



Interaksi budaya dan warisan



Aktiviti rekreasi berasaskan alam semula jadi



Penjanaan ekonomi alternatif komuniti melalui pelancongan lestari

Kawasan pelaksanaan melibatkan dua buah kampung utama di bawah RPS Ulu Kinta, iaitu Kampung Sungai Tonggang dan Kampung Makmur yang menjadi teras kepada pembangunan pakej eko-pelancongan pendidikan ini. Kedua-dua kampung dihubungkan melalui tawaran eko-pelancongan sedia ada yang menampilkan pelbagai aktiviti pendidikan, rekreasi dan budaya berasaskan sumber tempatan.



4.0 KOMPONEN UTAMA PAKEJ

KAMPUNG SUNGAI TONGGANG

019 478 1405 / 013 500 8419

Kayuh D' Tonggang

Dikendalikan oleh:
Koperasi Kampung Orang Asli Sungai Tonggang Berhad (KKOASTB)

Pengerusi:
Batin Che Wan bin Alang

PAKEJ REKREASI LUAR

Pertunjukan Tarian Sewang dan persembahan budaya Temiar.

Demonstrasi kemahiran tradisional seperti menyumpit, menjerat dan menganyam.

Aktiviti rekreasi seperti kayuhan basikal lasak, ATV dan perkhemahan.

Denai Nong Becacip Jug – laluan interpretasi alam sekitar.

Galeri komuniti yang mempamerkan warisan dan hasil kraftangan.

Chalet dan kawasan perkelahan berhampiran sungai.

Cerapan kepelbagaian spesies burung.

Kelas pembelajaran terbuka sungai.

Santuari ikan.

KAMPUNG MAKMUR

019 798 7494 / 019 916 4351

Jok Bepihoy Mabeg @ Kg. Makmur

Dikendalikan oleh:
Koperasi Malim Gunung Perhutanan Orang Temiar Ulu Kinta Berhad (KMGPOTUKB)

Pengerusi:
Mohamad Henry bin Itam Johari

PAKEJ KEMBARA ALAM

Menyelusuri Denai Alam Sungai merangkumi Sungai Seno'oi dan Sungai Telu.

Tarikan semula jadi: Air Terjun Sungai Telu, Hentian Pokok Buluh dan panorama puncak Korbu.

Aktiviti pendidikan alam sekitar dan eksplorasi biodiversiti.

PAKEJ EKSPEDISI PENDAKIAN

Pendakian ke Gunung Korbu

Pendakian ke Gunung Korbu dan Gayong (KorGa)

5.0 PAKEJ JEJAK SENO'OI (2 hari dan 1 malam)

Jejak Seno'oi ialah pengalaman eko-pelancongan Pendidikan berasaskan komuniti yang menggabungkan 2 komponen utama pakej iaitu pakej rekreasi luar (Kayuh D'Tonggang) dan pakej Kembara Alam (Jok Bepihoy Mabeg @ Kg Makmur) yang terdapat di RPS Ulu Kinta (Mukim Ulu Kinta) yang kaya dengan budaya, warisan dan khazanah alam semula jadi.

Harga bagi Pakej Jejak Seno'oi ditentukan berdasarkan bilangan peserta yang mengambil bahagian dalam aktiviti. Kadar bayaran per peserta akan menjadi lebih rendah sekiranya jumlah penyertaan semakin ramai.

HARI 1	
8.30 pagi	Ketibaan pelawat di Kampung Sungai Tonggang & taklimat keselamatan
9.00 pagi	Menyelusuri Denai Nong Becacip Jug
11.30 pagi	Lawatan Galeri KDT Berasaskan Komuniti
12.30 tengah hari	Makan tengah hari masakan tradisi OA
2.30 petang	Bengkel anyaman dan demonstrasi menyumpit serta menjerat
5.00 petang	Aktiviti bebas / perkhemahan / rehat di chalet
9.00 malam	Pertunjukan Tarian Sewang dan sesi interaksi budaya
11.00 malam	Rehat dan bermalam di KDT

HARI 2	
* Boleh gunakan ATV untuk pergi ke Kampung Makmur.	
7.00 pagi	Sarapan dan bergerak ke Kampung Makmur
7.45 pagi	Taklimat Jok Bepihoy Mabeg @ Kg Makmur
8.00 pagi	Kembara Alam (Sungai Telu & Sungai Seno'oi)
12.00 tengah hari	Bergerak kembali ke KDT
1.00 tengah hari	Makan Tengahari
2.00 petang	Penutup Program dan Bersurai



6.0 KESIMPULAN

Eko-Pelancongan Pendidikan Berasaskan Komuniti di RPS Ulu Kinta (Pakej Jejak Senoi'oi) merupakan inisiatif yang memupuk keseimbangan antara pembangunan sosioekonomi dan kelestarian alam sekitar. Ia mengangkat komuniti Orang Asli Temiar sebagai peneraju utama pelancongan sambil memelihara khazanah alam dan warisan budaya yang tidak ternilai.

Pendekatan bersepadu ini bukan sahaja memperkukuh daya tarikan pelancongan negeri Perak, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui pemeliharaan biodiversiti, pengurangan kemiskinan luar bandar dan peningkatan pendidikan alam sekitar kepada masyarakat umum.

KAYUH D' TONGGANG



KOPERASI KAMPUNG ORANG ASLI
SUNGAI TONGGANG BERHAD



billy



MALIM CUNUNG PERHUTANAN
ORANG TEMIAR ULU KINTA



billy